

# 36 khatam al-Quran braille



Tengku Muhammad Rizam menyampaikan hadiah kepada Rahimi pada majlis graduasi kelas al-Quran braille kendalian PERTIS di Kota Bharu, semalam.

[FOTO FATHIL ASRI/BH]

**Kota Bharu:** Pengorbanan seorang lelaki cacat penglihatan berulang-alik lebih 40 kilometer tiga kali seminggu, nyata berbaloi apabila dia bersama 36 rakan lagi, berjaya menamatkan kelas pembelajaran al-Quran secara braille.

Lebih manis, Rahimi Abdul Rahman, 46, yang turut mencatatkan kehadiran penuh sepanjang tiga bulan kelas berlangsung, dipilih sebagai pelajar terbaik.

Katanya, dia bersemangat mengikuti kelas belajar al-Quran, walaupun terpaksa berulang-alik daripada rumahnya di Kampung Jaka, Machang ke kelas kendalian Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia Wilayah Kelantan (PERTIS) Jelawat di Bachok.

"Saya tinggalkan perniagaan semata-mata untuk menghadiri kelas yang diadakan tiga kali seminggu sebagai bekalan akhirat,"

katanya ketika ditemui dalam majlis Graduasi Kelas Al-Quran di Hotel Perdana, di sini, semalam.

Semua peserta menerima sijil tamat pengajian masing-masing daripada Tengku Temenggong Kelantan, Datuk Tengku Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz. Yang turut hadir, Tengku Temenggong, Datuk Tunku Noor Hayati Tengku Abdul Rahman dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHE-AIK), Datuk Che Mohd Rahim Jusoh.

## Naskhah al-Quran braille

Sempena majlis itu, sebanyak 136 naskah al-Quran braille diberikan secara percuma kepada pelajar kelas terbabit. Kelas kendalian PERTIS Jelawat Bachok itu adalah yang julung kali diadakan di negeri ini bermula Julai tahun lalu.

Rahimi berkata, sebelum ini

dia membaca al-Quran mengikut bacaan yang didengari daripada orang lain sebelum cuba menghafaznya.

"Kini selepas mengikuti kelas, saya sudah boleh baca sendiri al-Quran seperti membaca surah al-Baqarah dengan lancar," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua PERTIS Kelantan, Faizal Yusof, berkata kelas itu diadakan secara percuma kepada golongan orang cacat penglihatan supaya mereka juga boleh membaca al-Quran dengan baik dan lancar.

Katanya, kelas itu dibantu pelajar Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunnah daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang bertindak sebagai fasilitator.

"Seramai 46 pelajar mengikuti kelas ini yang dibahagikan kepada tiga tahap iaitu yang lemah, sederhana dan boleh membaca baris dan surah lazim," katanya.